

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengeluarkan data unjuran penduduk yang pertama bagi Semenanjung Malaysia bagi tempoh 1957-1982 dengan menggunakan data Banci Penduduk 1957 sebagai tahun asas. Penerbitan unjuran penduduk pertama diterbitkan di peringkat Malaysia (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak) adalah bagi tempoh 1970-1990 yang berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (Banci Malaysia) 1970. Seterusnya, penerbitan ini diterbitkan setiap sepuluh tahun berasaskan Banci Malaysia yang dijalankan pada ketika itu.
- 1.2 Unjuran penduduk merupakan input utama dalam pembentukan, pelaksanaan dan pemantauan dasar di peringkat nasional dan antarabangsa. Unjuran penduduk juga digunakan sebagai asas dalam perancangan jangka panjang oleh sektor kerajaan, swasta dan orang perseorangan bagi tujuan kajian serta penyelidikan.
- 1.3 Unjuran Penduduk, Malaysia, 2020-2060 merupakan penerbitan ke enam selepas kali terakhir Unjuran Penduduk, Malaysia, 2010-2040 diterbitkan pada 2016 (berasaskan Banci Malaysia 2010). Penerbitan ini memaparkan statistik dan struktur penduduk dalam tempoh 40 tahun selepas Banci Malaysia 2020 yang telah dilaksanakan dalam tempoh Julai 2020 hingga Oktober 2021, susulan penularan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara.

2. KAVEAT

Unjuran penduduk yang diterbitkan ini bukan bertujuan untuk membuat ramalan tepat terhadap perkembangan demografi pada masa hadapan. Penerbitan ini membentangkan senario ilustratif yang menggambarkan senario penduduk Malaysia berdasarkan satu set andaian yang disediakan secara teliti merangkumi komponen utama demografi seperti kesuburan, kematian dan migrasi. Dalam menggunakan statistik unjuran penduduk, adalah penting untuk mengambil maklum bahawa ketepatan unjuran penduduk ini adalah tertakluk kepada pelbagai faktor luar jangka yang memberi kesan kepada dinamika penduduk. Faktor-faktor berkenaan adalah krisis ekonomi, isu kesihatan awam dan bencana alam. Sehubungan itu, Jabatan akan menyemak semula unjuran penduduk secara berkala bagi memastikan ia kekal relevan dengan perubahan dalam persekitaran demografi, sosial dan ekonomi.

3. METODOLOGI

- 3.1 Penyediaan unjuran penduduk ini menggunakan pendekatan *bottom-up* melalui kaedah komponen kohort mengikut negeri, umur, jantina dan kumpulan etnik. Walau bagaimanapun, jumlah penduduk Malaysia dan setiap negeri diunjurkan terlebih dahulu berdasarkan trend siri masa penduduk bagi memastikan corak unjuran yang dihasilkan dengan trend penduduk semasa selari. Akhir sekali, hasil tambah unjuran penduduk mengikut negeri ini diselaraskan supaya hasil tambahnya bersamaan dengan bilangan penduduk yang diunjurkan secara keseluruhan.

3.2 Penyusunan unjuran penduduk meliputi empat komponen utama iaitu penduduk asas, kelahiran hidup, kematian serta migrasi (migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa). Data asas diperoleh daripada agensi dan kementerian seperti data kelahiran dan kematian yang digunakan adalah daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), data migrasi dalaman (Survei Migrasi yang dijalankan oleh DOSM) serta data migrasi antarabangsa (Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan JPN).

3.3 Formula asas kaedah komponen kohort adalah seperti berikut:

$$P_t = P_{t-1} + B_{t-1,t} - D_{t-1,t} + M_{t-1,t}$$

di mana;

P_t	=	penduduk pada masa t;
P_{t-1}	=	penduduk pada masa t-1;
$B_{t-1,t}$	=	kelahiran bagi tempoh masa t-1 ke masa t;
$D_{t-1,t}$	=	kematian bagi tempoh masa t-1 ke masa t; dan
$M_{t-1,t}$	=	migrasi bersih bagi tempoh masa t-1 ke masa t.

3.4 Setiap komponen kelahiran hidup, kematian dan migrasi diunjurkan secara berasingan dengan andaian tertentu untuk dijadikan input kepada penyusunan unjuran penduduk Malaysia dan negeri berdasarkan trend siri masa demografi. Pengiraan unjuran penduduk menggunakan model simulasi perisian *Spectrum – Demographic Projection* (DemProj) yang dibangunkan oleh *US Agency for International Development* (USAID).

3.5 Kepelbagaian andaian dalam penyediaan unjuran komponen tersebut bertujuan untuk menggambarkan ketidakpastian dalam perubahan demografi pada masa hadapan.

3.5.1 Penduduk asas


3.5.1.1 Unjuran Penduduk, Malaysia, 2020-2060 menggunakan data anggaran penduduk semasa 2024 berdasarkan Banci Malaysia 2020 sebagai penduduk asas.

3.5.1.2 Empat langkah yang terlibat bagi menyediakan penduduk asas iaitu:

- Data Banci Malaysia 2020 disesuaikan dengan kadar kurang penghitungan daripada Penyiasatan Penilaian Liputan Banci;
- Seterusnya, data tersebut diselaraskan kepada penduduk pertengahan tahun (30 Jun 2020) dengan menambah bilangan kematian (1 hingga 6 Julai 2020) dan menolak bilangan kelahiran (1 hingga 5 Julai 2020);

- iii. Kemudian, kaedah pelicinan umur diaplikasikan bagi meminimumkan salah lapor umur terutama bagi umur yang berakhir dengan '0' dan '5'; dan
 - iv. Akhir sekali, data penduduk umur 0 hingga 9 tahun disemak dan dikemas kini berdasarkan data anggaran penduduk semasa 2020 berasaskan Banci Malaysia 2010.
- 3.5.1.3 Penduduk asas disediakan mengikut kumpulan etnik, jantina dan umur di peringkat Malaysia dan negeri.
- 3.5.1.4 Pengkelasan kumpulan etnik utama dan kewarganegaraan adalah berdasarkan klasifikasi yang telah diguna pakai semasa Banci Malaysia 2020.

Rajah 1: Pengkelasan kumpulan etnik utama dan kewarganegaraan



3.5.2 Kelahiran hidup


- 3.5.2.1 Bagi menentukan trajektori demografi masa hadapan yang munasabah, kaedah kuantitatif digabungkan dengan dapatan kualitatif. Penilaian terhadap tahap kesuburan masa hadapan lazimnya melibatkan analisis siri masa bagi kadar kesuburan jumlah (TFR), yang menjadi asas untuk mengenal pasti arah aliran dan membentuk andaian dalam unjuran penduduk. Selain TFR, corak kadar kesuburan mengikut umur (ASFR) dan nisbah jantina ketika lahir turut digunakan sebagai input utama dalam penyediaan unjuran penduduk.
- 3.5.2.2 Unjuran kelahiran dibuat berdasarkan TFR di peringkat nasional dan negeri serta mengikut kumpulan etnik bagi setiap negeri. Bagi mengunjurkan TFR Malaysia, tiga tahap andaian telah dibangunkan, iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Andaian ini mengambil kira trend dalam faktor sosioekonomi, dasar kerajaan dan keadaan kesihatan yang akan mempengaruhi corak kelahiran.

Jadual 1: Tiga andaian paras kesuburan, Malaysia, 2020-2060

Andaian	2020	2030	2040	2050	2060
Tinggi	1.8	1.66	1.60	1.58	1.55
Sederhana		1.66	1.54	1.49	1.44
Rendah		1.64	1.54	1.44	1.34

- 3.5.2.3 Bagi penerbitan ini, **andaian kesuburan sederhana** telah digunakan, dengan unjuran kadar kesuburan jumlah (TFR) mencapai 1.44 pada tahun 2060. Andaian ini berdasarkan jangkaan bahawa tahap kesuburan akan menurun secara perlahan atau kekal stabil pada paras atau di bawah kadar penggantian.

Carta 1: Kadar kesuburan jumlah mengikut andaian, Malaysia, 1980-2060



- 3.5.2.4 Andaian TFR negeri dan kumpulan etnik bagi setiap negeri diunjurkan dengan mengambil kira perubahan TFR Malaysia bagi tahun 2020-2050 dan kekal malar sehingga 2060.

Jadual 2: Andaian paras kesuburan mengikut negeri, Malaysia, 2020-2060

Negeri	2020	2030	2040	2050-2060
Johor	1.9	1.75	1.62	1.57
Kedah	2.1	1.88	1.75	1.71
Kelantan	3.0	2.63	2.50	2.45
Melaka	1.8	1.60	1.47	1.43
Negeri Sembilan	1.8	1.68	1.55	1.51
Pahang	2.2	2.08	1.96	1.91
Perak	1.9	1.68	1.56	1.51

Negeri	2020	2030	2040	2050-2060
Perlis	2.0	1.62	1.50	1.45
Pulau Pinang	1.3	1.19	1.07	1.02
Sabah	1.6	1.41	1.28	1.24
Sarawak	1.8	1.53	1.40	1.36
Selangor	1.6	1.45	1.32	1.28
Terengganu	3.2	2.86	2.74	2.69
W.P. Kuala Lumpur	1.3	1.23	1.11	1.06
W.P. Labuan	2.0	1.67	1.55	1.50
W.P. Putrajaya	1.8	1.73	1.60	1.56

3.5.2.5 Bagi ASFR Malaysia dan negeri, unjuran adalah mengambil kira peningkatan purata umur perkahwinan perempuan dan peningkatan purata umur ibu pada kelahiran hidup pertama. Perempuan berumur 30-34 tahun mempunyai kadar kesuburan tertinggi pada 2060. Ini diikuti perempuan dalam kumpulan umur 25-29 tahun, 35-39 tahun dan 20-24 tahun.

3.5.2.6 Nisbah jantina ketika lahir pada 2020 diandaikan konsisten setiap tahun bagi mengunjurkan bilangan kelahiran hidup mengikut jantina.

3.5.3 Kematian

3.5.3.1 Andaian komponen kematian dibina berdasarkan jangkaan hayat ketika lahir bagi lelaki dan perempuan.

3.5.3.2 Dua kaedah pengiraan digunakan bagi menghasilkan andaian jangkaan hayat semasa lahir untuk tempoh unjuran 2025–2060, iaitu:

i. **Andaian 1:** *Kaedah moving average*

Unjuran jangkaan hayat ketika lahir bagi 2025 hingga 2060 dijana menggunakan kaedah *moving average trend line* berdasarkan *actual data* jangkaan hayat dari 1991 hingga 2024; dan

ii. **Andaian 2:** Kaedah berasaskan *World Population Prospects (WPP) 2024*


Unjuran bagi tempoh 2025 hingga 2060 dibina menggunakan *actual data* 2024 sebagai tahun asas dan mengambil kira kadar peningkatan tahunan jangkaan hayat yang diunjurkan oleh WPP.

Jadual 3: Dua andaian jangkaan hayat ketika lahir, Malaysia, 2020-2060

Andaian	Jantina	2020	2030	2040	2050	2060
1	Lelaki	72.6	73.7	74.9	76.1	77.2
	Perempuan	77.3	78.4	79.4	80.4	81.5
2	Lelaki	72.6	74.1	76	77.9	79.7
	Perempuan	77.3	78.7	80.1	81.4	82.7

3.5.3.3 Pada 2020, jangkaan hayat ketika lahir bagi lelaki dan perempuan masing-masing ialah 72.6 tahun dan 77.3 tahun. **Andaian 1** telah digunakan bagi pengiraan unjuran penduduk bagi tempoh 2025–2060 dengan mengambil kira trend siri masa jangkaan hayat dari 1991 hingga 2024. Berdasarkan andaian ini, jangkaan hayat semasa lahir diunjurkan meningkat kepada 77.2 tahun bagi lelaki dan 81.5 tahun bagi perempuan pada 2060.

Carta 2: Jangkaan hayat ketika lahir, Malaysia, 1980-2060



3.5.3.4 Andaian jangkaan hayat ketika lahir mengikut negeri adalah seperti berikut:

Jadual 4: Andaian jangkaan hayat ketika lahir mengikut negeri, Malaysia, 2024-2060

Negeri	2024		2030		2040		2050		2060	
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
Johor	72.8	77.4	73.5	78.0	74.7	79.0	75.9	80.0	77.0	81.1
Kedah	70.3	76.0	71.0	76.6	72.2	77.6	73.4	78.6	74.5	79.7
Kelantan	70.7	76.0	71.4	76.6	72.6	77.6	73.8	78.6	74.9	79.7
Melaka	71.8	77.0	72.5	77.6	73.7	78.6	74.9	79.6	76.0	80.7

Negeri	2024		2030		2040		2050		2060	
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
Negeri Sembilan	71.4	77.0	72.1	77.6	73.3	78.6	74.5	79.6	75.6	80.7
Pahang	70.9	75.8	71.6	76.4	72.8	77.4	74.0	78.4	75.1	79.5
Perak	71.0	76.9	71.7	77.5	72.9	78.5	74.1	79.5	75.2	80.6
Perlis	70.9	76.2	71.6	76.8	72.8	77.8	74.0	78.8	75.1	79.9
Pulau Pinang	72.5	77.3	73.2	77.9	74.4	78.9	75.6	79.9	76.7	81.0
Sabah	73.2	77.3	73.9	77.9	75.1	78.9	76.3	79.9	77.4	81.0
Sarawak	72.8	77.8	73.5	78.4	74.7	79.4	75.9	80.4	77.0	81.5
Selangor	76.1	80.3	76.8	80.9	78.0	81.9	79.2	82.9	80.3	84.0
Terengganu	69.8	75.0	70.5	75.7	71.7	76.6	72.9	77.6	74.0	78.7
W.P. Kuala Lumpur	74.1	78.8	74.8	79.4	76.0	80.4	77.2	81.4	78.3	82.5
W.P. Labuan	76.4	79.4	77.1	80.0	78.3	81.0	79.5	82.0	80.6	83.1
W.P. Putrajaya	72.3	74.5	73.0	75.1	74.2	76.1	75.4	77.1	76.5	78.2

Nota:

L - Lelaki

P - Perempuan

3.5.4 Migrasi


3.5.4.1 Migrasi atau pergerakan penduduk merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi perubahan struktur penduduk serta memberi kesan terhadap keadaan sosial dan ekonomi sesuatu kawasan dalam tempoh tertentu. Secara umum, kepelbagaian corak dan ciri-ciri migrasi akan memberikan kesan yang berbeza kepada negeri atau kawasan asal dan destinasi.

3.5.4.2 Migrasi antarabangsa

- Migrasi antarabangsa merujuk kepada perpindahan seseorang atau sekumpulan individu merentasi sempadan negara untuk menetap sementara atau secara tetap di negara lain.
- Pergerakan keluar (emigrasi) dan masuk (imigrasi) negara melibatkan Warganegara dan Bukan Warganegara (BWN). Migrasi antarabangsa bersih bagi sesebuah negara merujuk kepada perbezaan antara imigrasi dan emigrasi dari sesebuah negara.
- Unjuran migrasi antarabangsa bersih bagi tempoh 2025-2060 hanya melibatkan unjuran BWN, berdasarkan stok semasa BWN di Malaysia.

- iv. Andaian kemasukan baharu migran daripada keseluruhan pemegang pas aktif bagi Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) setiap tahun turut diambil kira dalam pengiraan.

Carta 3: Migrasi antarabangsa, Malaysia, 2024-2060



3.5.4.3 Migrasi dalaman

- i. Unjuran penduduk di peringkat nasional mengambil kira migrasi antarabangsa, manakala unjuran di peringkat negeri turut merangkumi migrasi dalaman.
- ii. Data untuk unjuran migrasi dalaman diperoleh daripada Survei Migrasi, yang menyediakan maklumat mengenai migrasi masuk, migrasi keluar dan migrasi bersih mengikut negeri dan jantina bagi tahun 1992 hingga 2022.
- iii. Unjuran migrasi dalaman dijalankan menggunakan kaedah regresi linear berdasarkan trend migrasi bersih dari tahun 1992 hingga 2022. Nilai migrasi bersih diunjurkan bagi tempoh 2024 hingga 2050 dan diandaikan kekal sehingga tahun 2060.

4. KONSEP DAN DEFINISI

4.1 Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan

Merujuk kepada perubahan penduduk sejajar dengan perubahan masa dan boleh dikira sebagai perubahan bilangan individu dalam penduduk menggunakan “per unit masa” sebagai pengukuran.

$$r = \frac{1}{n} \ln \left[\frac{P_{t+n}}{P_t} \right] \times 100$$

di mana;

r	=	purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan;
P_t	=	bilangan penduduk pada tahun t;
P_{t+n}	=	bilangan penduduk pada tahun t+n;
n	=	bilangan tahun; dan
ln	=	logaritma asli.

4.2 Umur penengah

Umur yang membahagikan taburan penduduk kepada dua kumpulan yang sama saiznya, di mana separuh daripadanya berada di bawah umur tersebut manakala separuh lagi melebihi umur tersebut.

4.3 Nisbah tanggungan

Nisbah tanggungan merupakan nisbah tanggungan kepada 100 orang penduduk dalam kumpulan umur bekerja. Nisbah ini boleh dibahagikan kepada nisbah tanggungan jumlah, nisbah tanggungan muda dan nisbah tanggungan umur tua.

4.3.1 Nisbah tanggungan jumlah

Merujuk kepada nisbah bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun dan yang berumur 65 tahun dan lebih bagi setiap seratus penduduk berumur 15-64 tahun.

Nisbah tanggungan jumlah

$$= \frac{(\text{Bilangan penduduk umur bawah 15 tahun dalam tahun } t + \text{bilangan penduduk umur 65 tahun dan lebih dalam tahun } t)}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun } t} \times 100$$

4.3.2 Nisbah tanggungan umur muda

Merujuk kepada nisbah di antara bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun bagi setiap seratus penduduk berumur 15-64 tahun.

Nisbah tanggungan umur muda

$$= \frac{\text{Bilangan penduduk umur bawah 15 tahun dalam tahun } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun } t} \times 100$$

4.3.3 Nisbah tanggungan umur tua

Merujuk kepada nisbah di antara bilangan penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas bagi setiap seratus penduduk berumur 15-64 tahun.

Nisbah tanggungan umur tua

$$= \frac{\text{Bilangan penduduk umur 65 tahun dan lebih dalam tahun } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun } t} \times 100$$

4.4 Nisbah jantina

Merujuk kepada bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan.

$$\text{Nisbah jantina} = \frac{\text{Bilangan lelaki dalam tahun } t}{\text{Bilangan perempuan dalam tahun } t} \times 100$$

4.5 Kadar kesuburan umur tertentu

Merujuk kepada bilangan kelahiran oleh ibu-ibu bagi kumpulan umur tertentu dalam sesuatu tahun bagi setiap seribu perempuan dalam kumpulan umur berkenaan.

Kadar kesuburan umur tertentu

$$= \frac{\text{Bilangan kelahiran hidup mengikut kumpulan umur ibu tertentu dalam tahun } t}{\text{Penduduk perempuan pertengahan tahun bagi kumpulan umur tertentu dalam tahun } t} \times 1000$$

4.6 Kadar kesuburan jumlah

Merujuk kepada purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seseorang perempuan terus hidup sehingga akhir tempoh reproduktifnya dan di sepanjang tempoh itu tertakluk kepada kadar kesuburan umur tertentu bagi sesuatu tahun.

Kadar ini diperoleh dengan menjumlahkan kadar kesuburan umur tertentu perempuan yang berumur 15-49 tahun (mengikut kumpulan umur lima tahun) dan didarabkan dengan 5.

$$\text{Kadar Kesuburan Jumlah} = 5 \sum_i [\text{Kadar kesuburan umur tertentu}]$$

di mana; $i = (15 - 19), (20 - 24), \dots, (45 - 49)$

4.7 Jangkaan hayat

Jangkaan hayat adalah purata baki umur (tahun) seseorang dijangka akan dapat hidup pada permulaan umur tertentu dengan andaian kadar kematian umur tertentu adalah sama sepanjang hayat.

4.8 Penakat

Penakat adalah bilangan orang yang masih hidup pada permulaan umur tertentu.

4.9 Nisbah ketakatan

Nisbah ketakatan adalah perkadaran orang masih hidup daripada kumpulan umur x hingga kumpulan umur $x+n$.

4.10 Penuaan penduduk

4.10.1 Berdasarkan *United Nations* (UN), penuaan dikategorikan mengikut tiga kumpulan iaitu:

4.10.1.1 *Ageing Society*: apabila penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencapai 7 peratus daripada jumlah penduduk;

4.10.1.2 *Aged Society*: apabila penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencapai 14 peratus daripada jumlah penduduk; dan

4.10.1.3 *Super-aged Society*: apabila penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencapai 20 peratus daripada jumlah penduduk.

4.10.2 Berdasarkan Dasar Warga Emas Negara (DWEN), penuaan ialah apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencecah 15 peratus daripada jumlah penduduk.


4.11 Piramid penduduk

Piramid penduduk dibahagikan kepada empat bentuk utama iaitu progresif, mantap, regresif dan perantaraan. Setiap bentuk ini menggambarkan ciri kependudukan tertentu.

4.11.1 Piramid bentuk progresif

Menggambarkan penduduk di negara mundur. Ciri-ciri piramid progresif ialah:


- 4.11.1.1 **Mempunyai tapak yang lebar** – tapak lebar menggambarkan bilangan penduduk muda yang ramai hasil daripada kadar kelahiran yang tinggi dan kadar kematian yang rendah. Keadaan ini berlaku terutamanya di negara mundur. Kadar kelahiran yang tinggi menyebabkan kadar pertumbuhan penduduk negara menjadi pesat.
- 4.11.1.2 **Puncak tajam** – puncak piramid tajam menggambarkan jangkaan hayat penduduk yang rendah. Ini turut menggambarkan kurangnya bilangan orang yang hidup hingga mencapai umur tua (lebih daripada 60 tahun).
- 4.11.1.3 **Cerun cekung** – bentuk dinding piramid yang cekung menggambarkan bilangan orang dewasa yang tidak seimbang dengan bilangan kanak-kanak. Ini menunjukkan peratus orang dewasa yang kurang berbanding kanak-kanak.



4.11.2 Piramid bentuk mantap

- 4.11.2.1 **Mempunyai tapak yang lebar** – namun tidak selebar tapak piramid progresif. Ini menunjukkan kadar kelahiran masih lagi tinggi, bagaimanapun, kadar kematian bayi adalah rendah.
- 4.11.2.2 **Puncak yang tidak begitu tajam** – menggambarkan peratus orang tua yang masih hidup bertambah ramai. Jangka hayat juga bertambah melebihi 65 tahun. Keadaan ini juga menggambarkan tahap kesihatan penduduk telah semakin baik.


- 4.11.2.3 **Cerun yang hampir lurus** – menunjukkan nisbah penduduk dewasa, orang tua dan kanak-kanak yang lebih seimbang. Peratus, penduduk dewasa yang boleh diserap ke dalam tenaga kerja adalah ramai. Ini menunjukkan kadar kematian yang rendah dalam kalangan penduduk dewasa.



4.11.3 Piramid bentuk regresif


Negara maju mempunyai piramid sama ada bentuk regresif atau perantaraan. Kedua-duanya mempunyai ciri-ciri yang hampir sama.

- 4.11.3.1 **Mempunyai tapak yang sempit** – menggambarkan kadar kelahiran yang rendah. Ini juga menjelaskan amalan meluas pencegahan kehamilan di negara-negara ini. Kecenderungan penduduk untuk mempunyai keluarga kecil, pasangan muda yang berkahwin lewat dan melambatkan keinginan untuk mempunyai anak dan pemandulan telah merendahkan kadar kelahiran.
- 4.11.3.2 **Puncak datar dan lebar** – ini menunjukkan jangkaan hayat penduduk semakin tinggi di mana sekurang-kurangnya dua peratus penduduk hidup sehingga umur 80 tahun dan menyebabkan penduduk tua semakin ramai. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan pencapaian yang baik dalam bidang kesihatan dan pembangunan penduduk.
- 4.11.3.3 **Cerun cembung** – menggambarkan penduduk dewasa yang ramai. Keadaan ini menunjukkan kadar kematian orang dewasa yang rendah. Taraf penjagaan kesihatan yang tinggi menyebabkan sebahagian besar penduduk boleh mencapai umur tua, iaitu lebih daripada 60 tahun.



4.11.4 Piramid bentuk perantaraan

Piramid bentuk perantaraan mempunyai persamaan dengan piramid bentuk regresif dari segi bentuk **cerun yang cembung dan puncak yang datar dan lebar**. Perbezaan hanya terdapat pada bahagian tapak yang mana piramid bentuk perantaraan mempunyai **tapak yang lebih lebar**.



5. PEMBUNDARAN

Data penduduk dalam penerbitan ini telah dibundarkan kepada ribu terhampir. Walau bagaimanapun, pengiraan indikator adalah berdasarkan data yang tidak dibundarkan. Hasil tambah mungkin tidak sama dengan jumlah yang ditunjukkan kerana perbundaran kepada satu titik perpuluhan.

6. NOTA DAN SIMBOL

p	Permulaan
r	Semakan semula
0.0	Kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan
-	Kosong
W.P.	Wilayah Persekutuan